

Sinar Harian - 31/5/16

Ridhuan Tee keluar MCA

SHAH ALAM - Pendakwah, Prof Dr Ridhuan Tee Abdullah, mengumumkan keputusannya keluar daripada MCA sebagai membantah tindakan parti itu yang kini memusuhi Islam, terutamanya soal hudud.

Ridhuan yang merupakan ahli seumur hidup MCA, bertindak keluar susulan tindakan MCA yang lantang menentang pelaksanaan hudud.

"Untuk makluman, selepas memeluk Islam, saya menjadi ahli MCA kerana mahu berdakwah kepada orang Cina dan tidak mahu dianggap sebagai 'masuk Melayu'. Setelah 20 tahun berada di sana, jangkaan saya salah.

"MCA, Gerakan dan DAP, sama sahaja. Mereka musuh Islam yang nyata. Saya tidak mahu berdosa lagi duduk dalam organisasi yang memusuhi agama yang sangat saya cintai," katanya dalam kenyataan kepada *Sinar Harian*, semalam.

Terbaru MCA, Gerakan,



RIDHUAN

Abidin berkata, beliau kesal dengan pendirian MCA itu yang disifatkan gagal memahami Islam dan cara hidup Melayu.

Beliau berharap terdapat pemimpin Umno yang bertindak berani agar tidak tunduk kepada ugutan pemimpin MCA, MIC dan Gerakan itu.

"Silalah letak (jawatan) sekarang. Jangan bersandiwaro. Boleh sahaja digantikan orang benar-benar layak dan bukan musuh. Toleransi Melayu dan pengorbanan orang Melayu sudah sampai hadnya."

"Keberadaan ultra kiasu dalam Kabinet sehingga hari ini bukan dengan kekuatan parti mereka tetapi dengan undi belas kasihan orang Melayu. Mereka tahu dan mahu acah kita. Bukan sahaja jawatan menteri yang perlu dilepaskan, tetapi seluruh jawatan yang dipegang mereka dalam kerajaan atas nama parti. Biar mereka tahu langit itu tinggi atau rendah," katanya.